

Hadiah Sebagai Tanda Kasihku Seperti Yang Ku Inginkan

Takaful FutureSecure



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad ialah ahli PIDM.



Nama saya Lee. Saya ingin berkongsi tentang kisah *hadiah kasih sayang saya*.

Dari saat saya berjanji untuk berkongsi seluruh hidup saya bersama isteri, saya faham bahawa saya juga mengambil salah satu komitmen yang paling besar dalam hidup – mencintai dan menjaga dia dan keluarga yang akan kami bina bersama pada masa akan datang.

Komitmen dan tanggungjawab saya bertambah tahun demi tahun bersama keluarga: dari hanya kami berdua hinggalah lahirnya dua cahaya mata kami, dan kini bersama keluarga mereka juga.

Setelah anak-anak meninggalkan kami bagi memulakan keluarga mereka sendiri, saya mempunyai lebih banyak masa untuk memikirkan cara bagaimana saya boleh terus mengasihi mereka; dan meninggalkan legasi yang dapat menampung dan memberi mereka kehidupan yang lebih baik.

Tetapi adakalanya, saya bimbang kerana sering mendengar tentang perbalahan ahli keluarga yang mempertikaikan pelaksanaan wasiat di mahkamah, atau orang tersayang mengalami masalah kewangan disebabkan proses yang lama untuk memperolehi geran probet, menyebabkan pembayaran hutang dan pembahagian aset tidak dapat dibuat tepat pada masanya.

Jadi saya bertanya pada diri sendiri: bagaimana saya boleh menghindari perkara seperti ini daripada menimpa keluarga?

Tahun demi tahun, saya dan isteri berbincang bagaimana untuk mewariskan legasi kami. Kami sentiasa bersependapat bahawa kebajikan keluarga anak-anak kami juga perlu dipelihara.

Saya mahu membantu kedua-dua anak kami sepanjang kehidupan mereka membina keluarga. Saya fikir mungkin saya dapat membantu menjelaskan gadai janji rumah mereka atau memulakan dana pendidikan untuk anak-anak mereka lebih awal.

Saya juga berkongsi dengan anak-anak tentang rancangan bagaimana saya mahu mewariskan legasi saya. Walaupun mereka seratus peratus menyokong hasrat saya, namun mereka juga meminta agar saya mempertimbangkan untuk membantu insan yang lebih memerlukan.

Dalam mempertimbangkan masa depan, saya mulai sedar bahawa saya mempunyai pelbagai hasrat yang ingin saya penuhi untuk memastikan kasih sayang saya meninggalkan kesan yang berterusan.

Jadi saya mula mencari penyelesaian bagi memastikan rancangan saya menjadi kenyataan.





Salah satu perkara yang saya lakukan adalah menghubungi Premier *Relationship Manager* yang memperkenalkan Takaful FutureSecure; satu pelan takaful keluarga sumbangan tunggal yang patuh Syariah, dengan manfaat kematian dan membolehkan saya mewariskan legasi kasih sayang saya.

Apa yang menarik perhatian saya tentang Takaful FutureSecure? Ianya banyak.

Takaful FutureSecure membolehkan saya memilih insan tersayang untuk menerima harta terkumpul di bawah pelan ini sebagai *hibah* (pemberian) *bersyarat*. Ia mempercepatkan pentadbiran harta pusaka dan menjimatkan kos tanpa memerlukan wasiat atau kerumitan menjalani proses tuntutan mahkamah. Saya juga yakin bahawa Takaful FutureSecure akan mengelakkan percanggahan tuntutan pemilikan. Pemindahan harta yang cepat bermakna insan tersayang dapat terus menguruskan perbelanjaan dan hutang. Dan saya juga boleh mengagihkan harta yang terkumpul di bawah pelan ini kepada benefisiari yang saya inginkan.

Di samping itu, Takaful FutureSecure juga menawarkan fleksibiliti bagi mengakses nilai akaun sekiranya timbul masalah kewangan. Dan selagi pelan ini kekal aktif, saya juga dapat meraih manfaat kematangan pelan pada usia 99 tahun.

Takaful FutureSecure sesuai dengan rancangan masa depan saya. Dengan hanya membuat sumbangan tunggal, saya boleh berkongsi legasi dengan cara saya tersendiri.

Wariskan legasi kasih sayang dengan Takaful FutureSecure. Hubungi *Relationship Manager* anda dari HSBC Amanah hari ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Takaful FutureSecure.



Maklumat lain yang berguna mengenai Takaful FutureSecure



Manfaat Kematian Yang Terjamin

- ▶ Sehingga umur 99 tahun.
- ▶ Apabila berlaku kematian dalam tempoh sah sijil, nilai tertinggi diantara Jumlah Perlindungan atau Nilai Akaun akan dibayar.



Manfaat Matang Yang Terjamin

- ▶ Pada usia 99 tahun.
- ▶ Nilai tertinggi diantara Jumlah Perlindungan atau Nilai Akaun akan dibayar pada Tarikh Matang.



Manfaat Penyerahan

Nilai Akaun tolak caj penyerahan yang tertakluk kepada cukai yang dikenakan, jika ada, untuk lima tahun pertama dari tarikh kuatkuasa sijil.



Maklumat Cukai

Manfaat yang dibayar di bawah pelan ini adalah bebas cukai dan sumbangan yang dibuat mungkin layak menerima pelepasan cukai (di bawah Takaful Keluarga) di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, sehingga RM6,000 jumlah maksimum. Sila semak dengan penasihat cukai anda tentang kelayakan dan diingatkan bahawa ini adalah tertakluk kepada keputusan muktamad oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.



Potensi Bagi Pengagihan Lebihan

Anda berhak menerima lebihan (jika ada) dalam Dana Risiko Keluarga pada nisbah 50:50, yang akan diperuntukkan kepada Nilai Akaun anda setiap tahun.



Penyerahan Separa¹

- ▶ Fleksibiliti bagi penyerahan sebahagian Nilai Akaun anda untuk keperluan kecemasan.
- ▶ Yuran penyerahan separa tertakluk kepada cukai yang dikenakan, akan dikenakan pada 5 tahun pertama.
- ▶ Apabila penyerahan separa dibuat, jumlah perlindungan yang terjamin akan dikurangkan dengan sewajarnya.



Penambahan Sumbangan¹

Penambahan Sumbangan akan meningkatkan jumlah perlindungan asas mengikut sumbangan yang diperuntukkan (95% daripada sumbangan).



Perlindungan Yang Terjamin

Nikmati ketenangan jangka panjang dengan jaminan tidak luput (perlindungan takaful akan berterusan walaupun nilai akaun anda telah habis).

¹ Kemudahan Penyerahan Separa dan Penambahan Sumbangan adalah tertakluk kepada terma dan syarat pelan ini.

Umur Kelayakan

Asas Usia: Usia orang yang dilindungi pada ulang tahun terakhir

	Umur Kemasukan	Umur Tamat Tempoh
Orang yang Dilindungi	18 - 75 tahun	99 tahun

Sumbangan

Tempoh Bayaran Sumbangan: Sumbangan Tunggal

Sumbangan Minimum: RM100,000 (Dalam gandaan RM1,000)

Jumlah Perlindungan

Ia adalah amaun terjamin yang akan dibayar apabila Orang yang Dilindungi meninggal dunia atau pada Tarikh Matang.

Jumlah Perlindungan sebagai % Sumbangan Tunggal						
Umur Kemasukan	30	40	50	60	70	75
Faktor Jumlah Perlindungan sebagai % Sumbangan Tunggal	300%	250%	200%	160%	130%	120%
Jumlah Perlindungan (RM) ²	450,000	375,000	300,000	240,000	195,000	180,000

² Jumlah Perlindungan yang diilustrasikan adalah berasaskan Sumbangan Tunggal sebanyak RM150,000 dan berbeza berdasarkan umur kemasukan individu.

Sebagai contoh:

Lee berumur 40 tahun. Nilai aset bersih beliau adalah sebanyak RM8.3 juta. Beliau menyertai Takaful FutureSecure dan menyumbangkan RM1.5 juta. Dengan Takaful FutureSecure, jumlah perlindungan beliau adalah RM3.75 juta; dengan pengiraan di mana RM1.5 juta x 250%

Tanpa Takaful FutureSecure



Wang tunai RM1.5 juta digunakan untuk menyertai Takaful FutureSecure

Dengan Takaful FutureSecure



Dengan Takaful FutureSecure, Jumlah Perlindungan sebanyak RM3.75 juta atau Nilai Akaun, mana yang lebih tinggi akan dibayar selepas Lee meninggal dunia. Dengan itu, aset Lee menjadi RM10.55 juta** dimana ia diagihkan antara ahli keluarganya.

*Dengan andaian bahawa Jumlah Perlindungan RM3.75 juta akan dibayar selepas Lee meninggal dunia.

**Jumlah Perlindungan adalah dengan pengiraan RM1.5 juta x 250%. Dengan andaian bahawa tiada perubahan kepada jumlah aset Lee.

Fi dan Caj

Fi dan caj berikut akan dikenakan ke atas pelan ini.

Keterangan	Fi dan Caj												
Fi Wakalah (Fi Agensi)	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan Asas : 6% Penambahan Sumbangan : 5% <p><i>Nota: Sebahagian daripada Fi Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada perantara.</i></p>												
Tabarru' Bulanan (Derma)	Kadar <i>Tabarru'</i> tidak tetap dan berdasarkan umur tercapai orang yang dilindungi.												
Fi Penyerahan Separa / Penyerahan¹	<p>Fi Penyerahan Separa / Penyerahan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan, dan akan ditolak daripada nilai serahan jika penyerahan dibuat dalam tempoh lima (5) tahun pertama Sijil.</p> <p>Fi adalah peratusan nilai Penyerahan / Penyerahan Separa dan akan dikira seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan Pertama bagi Tahun Sijil</th> <th>Fi Penyerahan Separa / Penyerahan³</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>1.50%</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>1.20%</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>0.90%</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>0.60%</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>0.30%</td> </tr> </tbody> </table> <p>³ Ini adalah Fi yang diguna pakai pada bulan pertama bagi Tahun Sijil masing-masing. Fi dikurangkan secara linear setiap bulan berdasarkan formula berikut:</p> $1.5\% \times \text{Nilai Serahan} \times (60 - \text{bilangan bulan yang lengkap dari Tarikh Kuatkuasa}) / 60$	Bulan Pertama bagi Tahun Sijil	Fi Penyerahan Separa / Penyerahan ³	1	1.50%	2	1.20%	3	0.90%	4	0.60%	5	0.30%
Bulan Pertama bagi Tahun Sijil	Fi Penyerahan Separa / Penyerahan ³												
1	1.50%												
2	1.20%												
3	0.90%												
4	0.60%												
5	0.30%												
Duti Setem	Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh Peserta dan perlu dibayar bersama sumbangan permulaan.												

Dana Peserta

Dana Peserta adalah dana pelaburan yang diurus dan ditadbir oleh Pengendali Takaful untuk tujuan Sijil Takaful ini. Sumbangan yang anda berikan, selepas ditolak Fi *Wakalah* akan diperuntukkan ke dalam Dana Peserta. Risiko pelaburan Dana Peserta ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan sebarang keuntungan atau kerugian akan dapat dilihat dalam Nilai Akaun anda. Pulangan pelaburan Dana Peserta akan berdasarkan prestasi sebenar dan tidak dijamin. Sebagai ganjaran untuk mengurus dan mentadbir Dana Peserta, Pengendali Takaful berhak mendapat insentif bersamaan 20% daripada apa-apa keuntungan berkaitan dana ini.

Dana Risiko Keluarga

Tabarru' bulanan akan ditolak dari Nilai Akaun anda dan dikreditkan ke Dana Risiko Keluarga yang mana manfaat perlindungan dibayar. 50% daripada lebihan boleh agih akan diagihkan di kalangan peserta yang layak dan bahagian anda akan diperuntukkan ke dalam Dana Peserta anda pada setiap tahun. Baki akan diagihkan kepada Pengendali Takaful sebagai ganjaran untuk mengurus dan mentadbir Dana Risiko Keluarga.

Penyerahan Separa / Nilai Penyerahan¹


Sekiranya berlaku penyerahan separa, jumlah Penyerahan Separa selepas ditolak Fi Penyerahan Separa (tertakluk kepada cukai yang dikenakan), jika ada, akan dibayar. Pemyerahan separa akan mengurangkan Jumlah Perlindungan secara berkadar selaras dengan nilai akaun.

Sekiranya berlaku penyerahan, Nilai Akaun selepas ditolak Fi Penyerahan (tertakluk kepada cukai yang dikenakan), jika ada, akan dibayar. Walau bagaimanapun, anda akan kehilangan manfaat di bawah Sijil ini dan amaun yang perlu dibayar kepada anda mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda buat. Tiada sebarang amaun yang akan dibayar daripada Dana Risiko Keluarga semasa penyerahan.

Pengecualian

Jumlah Perlindungan tidak dibayar jika kematian disebabkan oleh bunuh diri, sama ada waras atau tidak waras; dalam tempoh 12 bulan dari tempoh Sijil dikeluarkan.

¹ Kemudahan Penyerahan Separa dan Penambahan Sumbangan adalah tertakluk kepada terma dan syarat pelan ini.





Sekiranya anda berminat dengan Pelan Takaful FutureSecure,
sila hubungi *Relationship Manager* anda atau hubungi kami hari ini.

Hubungi 1300 80 2626

Klik [hsbcamanah.com.my](https://www.hsbcamanah.com.my)

Lawati cawangan HSBC Amanah anda yang terdekat

Nota-Nota Penting

Anda harus memastikan bahawa pelan yang ingin anda sertai memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang ditetapkan untuk pelan ini adalah bersesuaian dengan kemampuan anda.

Anda boleh menyemak kesesuaian pelan dan boleh membatalkan penyertaan anda dalam masa 15 hari dari tarikh penyerahan Sijil Takaful (“tempoh percubaan”) kepada anda. Apabila pembatalan dalam tempoh percubaan dibuat, Pengendali Takaful akan membayar balik jumlah sumbangan anda selepas ditolak fi pemeriksaan perubatan. HSBC Amanah Malaysia Berhad 200801006421 (807705-X) [“HSBC Amanah”] percaya adalah sangat penting bagi anda untuk memahami sepenuhnya semua manfaat dan caj di bawah Sijil Takaful anda.

Pelan ini diuruskan oleh FWD Takaful Berhad, No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M) yang beroperasi di Tingkat 29 Menara Shell 211 Jalan Tun Sambanthan Brickfields 50470 Kuala Lumpur.

Produk dan perkhidmatan yang dirujuk dalam brosur ini ditawarkan di Malaysia sahaja. HSBC Amanah adalah perantara. Dalam mengedarkan pelan ini, HSBC Amanah boleh dibayar komisen oleh Pengendali Takaful.

Penggunaan Maklumat dan Bahan

Maklumat yang terkandung dalam brosur ini tidak bertujuan untuk memberi nasihat profesional. Anda perlu mendapatkan nasihat profesional sekiranya perlu.

Brosur ini hanya untuk maklumat am sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai kontrak Takaful dan tiada pertimbangan telah diberikan kepada keadaan atau keperluan mana-mana pihak tertentu. Anda harus membaca Lembaran Pendedahan Produk, Ilustrasi Produk dan Sijil untuk pelan ini untuk pemahaman yang lebih tepat.

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk buku kecil insuranceinfo mengenai 'Takaful Keluarga' dan 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' atau layari www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya berlaku konflik antara versi Bahasa Inggeris dalam dokumen ini dan yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Tiada Jaminan

Walaupun setiap langkah penjagaan telah diambil dalam menyediakan maklumat dan bahan-bahan yang terkandung di dalam brosur ini, maklumat dan bahan tersebut disediakan "sebagaimana adanya" tanpa apa-apa jaminan, sama ada secara nyata atau tersirat, khususnya, tidak ada waranti mengenai pelanggaran, keselamatan, ketepatan atau kesesuaian untuk tujuan diberikan berkaitan dengan maklumat dan bahan tersebut.

Had Tanggungan

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, HSBC Amanah tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pampasan, termasuk tanpa had kepada pampasan, kerugian atau perbelanjaan langsung atau sebaliknya, sampingan atau akibat yang timbul berkaitan dengan brosur atau penggunaannya.

